



SEBAHAGIAN peserta Bengkel Fiqh Penyiaran di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor, Ahad lalu.

Oleh MOHD. RADZI MOHD. ZIN
Gambar Saiful Bahari Ashaari

Buat filem juga dakwah

FILEM atau drama sudah menjadi sebahagi dalam kehidupan seharian kita. Pengaruhnya dan kesannya melangkaui budaya, jantina, umur, status sosial dan lokasi.

Sebagai salah satu cabang seni, filem menjadi antara elemen berhibur masyarakat sejak dulu hingga kini.

Cuma, hal yang sering menjadi perdebatan adalah hiburan bagaimana yang dibenarkan dalam Islam. Demikian juga, selama mana lagi kita perlu

menghasilkan filem yang stereotaip berlatar belakang persoalan cinta muda-mudi yang di luar batasan atau pun golongan korporat yang sombong dan suka berfoya-foya.

Oleh yang demikian, timbul istilah filem berunsur Islam. Ia semakin diperkatakan mutakhir ini lebih-lebih lagi disokong dengan adanya permintaan filem-filem

Menurut Abdul Rahman, antara hiburan yang paling disukai adalah nyanyian dan ia dibolehkan oleh syarak selama tidak dicampuri kata-kata kotor, lucuh atau mengarah kepada perbuatan dosa

berunsur Islam dalam pasaran.

Mantan Profesor Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Naim Ahmad berkata, pokok pengertian filem Islam adalah maksud Islam itu yang antara lainnya selamat, aman, tenteram, patuh dan bersih daripada segala sesuatu.



SYED ZULKIFLI SYED MASIR

Oleh itu, filem Islam dan filem berunsur Islam adalah dua ungkapan yang berbeza.

Katanya, filem berunsur Islam merujuk kepada filem yang antara paparan-paparan mengandungi beberapa unsur yang selaras dengan tuntutan Islam.

"Namun, tidak keseluruhan filem tersebut 'Islamik'. Mungkin, daripada aspek naratif, dramatik, sinematografi, semiotik, aplikasi, teknikal dan kontektualnya," kata beliau.

Dr. Naim berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk 'Drama/Filem Berunsur Islam' pada Bengkel Fiqh



ABDUL RAHMAN OSMAN

Penyiaran di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor, kelmarin.

Dua lagi ahli panel ialah Mufti Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Abdul Rahman Osman dan Pengerusi Biro Akademik dan Latihan Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), Syed Zulkifli Syed Masir.

Bengkel sehari anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), TV Al-Hijrah dan FDAM itu disertai oleh kira-kira 250 peserta.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz, Presiden FDAM, Ahmad Ibrahim dan Pengarah ILM, Paimuzi Yahya.



DR. NAIM AHMAD

Dr. Naim berkata, asasnya filem Islam merangsang kepada ketelamahan, kesihatan dan kesejahteraan.

Ia juga menganjurkan keamanan, ketenteraman, kedamaian dan kebersihan daripada segala yang negatif.

Pendek kata, jelas beliau, filem Islam membawa mesej penyerahan diri, tunduk, patuh dan bertauhid kepada Allah Yang Maha Pencipta.

"Hasil garapan inti-inti pembicaraan tentang seni dalam Islam, maka filem Islam diungkapkan sebagai sebuah hasil seni, berbentuk 'produk halal', pra dan pasca penerbitan dengan pengisian dan garapan bersandarkan kod etika dan nilai Islam sehingga kepada proses edaran, tayangan dan tontonan khalayak.

"Tujuannya menyebarkan dakwah, menerap nilai murni dan menegakkan amar makruf nahi mungkar," jelas Dr. Naim.

Sementara itu, Abdul Rahman dalam mukadimah kertas kerjanya 'Perspektif Hiburan Dalam Islam' memberikan definisi hiburan, daripada segi bahasa sebagai menenangkan jiwa daripada kesempitan.

Dalam bahasa Arab ia disebut sama ada *tarfiah*, *tashiah*, *lahhu*, *laab* dan *tarwih*.

Semua itu, katanya, terangkum dalam erti memasukkan kegembiraan ke dalam jiwa bagi membangkitkan keceriaan fikiran atau badan yang bukar, tujuan

bersungguh-sungguh.

"Hiburan diharuskan dalam Islam selagi tidak ada pergaulan bebas lelaki dan perempuan yang bukan mahram, tidak melalaikan pemain dan pendengarnya daripada mengingati Allah dan lain-lain hal yang bercanggah dengan Islam," tegas beliau.

Abdul Rahman berkata, manusia dijadikan bukan sebagai malaikat kerana manusia sifatnya ada waktu perlu kepada makan dan minum, berkahwin, mencari rezeki, berhibur dan melakukan lain-lain sifat manusia.

Fitrah manusia, katanya, memerlukan hiburan atau sesuatu yang boleh menenangkan jiwa seperti nyanyian dan selainnya.

Beliau menambah, hiburan adakalanya menjadi sunat jika tujuannya untuk melapangkan hati, agar selepas itu akan mencemburkan sebab-sebab yang mencergaskan dirinya untuk beribadat.

"Menghibur diri atau orang lain amat digalakkan dalam urusan agama. Apabila seseorang benar-benar terhibur dengan agama dia akan melaksanakan perintah Allah dengan bersungguh-sungguh," katanya.

Menurut Abdul Rahman, antara hiburan yang paling disukai adalah nyanyian dan ia dibolehkan oleh syarak selama tidak dicampuri kata-kata kotor, lucah atau mengarah kepada perbuatan dosa.

Katanya, nyanyian tidak salah jika disertai muzik yang tidak membangkitkan nafsu.

"Bahkan dalam situasi gembira seperti hari raya, majlis perkahwinan dan akikah nyanyian dibenarkan sebagai mana hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Majah di mana baginda menyuruh agar dijemput seorang yang boleh menyanyikan *ahlan wasahlan* (selamat datang)," jelas beliau.

Seorang lagi ahli panel, Syed Zulkifli berkata, Islam perlu menguasai filem dan TV untuk menghasilkan filem yang mematuhi prinsip syariah kerana ia adalah medium yang penting.

Katanya, Islam juga perlu bercerita tentang apa sahaja dengan cara yang dibenarkan oleh agama.

"Kalau kita boleh membuat produk filem dan TV yang baik serta mampu menyisipkan nilai-nilai Islam di dalamnya, bahan yang kita pilih akan menjadi pilihan penonton," katanya.

Beliau membentangkan kertas kerja 'Melahirkan Strategi Kerja Kreatif Filem

dan TV Pematuhan Syariah'.

Syed Zulkifli berkata, hal ini munasabah dicapai. Syaratnya adalah perlu meyakinkan diktator iaitu pembikin filem atau pengarahnya.

Pembikin filem memilih, memanipulasi dan menentukan apa yang harus ditonton oleh mereka yang telah membuat keputusan untuk menonton.

"Jika stesen tv yang menggelarkan diri mereka TV Islam menjadikan ciri-ciri syariah sebagai polisi penyiarannya, maka produk filem dan tv yang mematuhi syariah akan menjadi munasabah," jelas beliau.

Mengenai kekangan melahirkan filem Islam, Syed Zulkifli berkata, kekangan menjadikan manusia lebih kreatif.

Katanya, manusia mencipta daripada 'tiada' kepada 'ada' bagi menyelesaikan masalah.

Contohnya, sungai mengekang manusia

untuk bergerak. Maka, manusia mencipta sampan, perahu dan jambatan untuk menyelesaikannya.

"Memanglah sukar mendapat idea tetapi itulah proses kreatif. Proses kreatif filem adalah proses penciptaan, mewujudkan perkara baru yang melibatkan imaginasi dan kebarangkalian dalam menghantar makna.

"Jika seseorang itu benar-benar kreatif, kekangan untuk menghasilkan produk filem dan TV yang mematuhi syariah akan membuatkanny sentiasa hidup dalam budaya kreatif kerana dia akan terus mencari penyelesaian setiap masa," jelasnya.

Antara kertas kerja lain adalah 'TV Al-Hijrah sebagai sebuah stesen Islamik' oleh Ketua Pegawai Eksekutif TV Al-Hijrah, Bukhari Che Muda dan 'Garis Panduan Tetap' oleh wakil Kementerian Dalam Negeri, Datuk Mohd. Hussain Shafie.



FILEM animasi *Upin dan Ipin* menjadi tarikan kanak-kanak di negara ini.